

Najib mohon 3 rayuan interlokutori

BH-7/2/2019 m/s: 9

➔ Mahkamah tetapkan dua hari dengar pembelaan

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bharian.com.my

✦ Kuala Lumpur

Mahkamah Rayuan hari ini akan mendengar tiga rayuan interlokutori (permohonan sebelum perbicaraan) Datuk Seri Najib Razak dalam kes pecah amanah dan menyalahgunakan kedudukan membatik wang RM42 juta berkaitan syarikat SRC International Sdn Bhd yang dihadapinya.

Mahkamah Rayuan menetapkan

kan selama dua hari untuk mendengar rayuan interlokutori terbabit.

Rayuan itu berkaitan permohonan pembelaan supaya pihaknya dikemukakan surat pelantikan Datuk Sulaiman Abdullah yang dilantik sebagai timbalan pendakwa raya kanan dalam kes itu, perintah larangan bagi menghalang media dan orang ramai membicarakan merit kes dan permohonan bagi mendapatkan dokumen kes.

Pada 18 Disember tahun lalu, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak permohonan Najib berhubung surat pelantikan Sulaiman selepas memutuskan tiada peruntukan undang-undang mewajibkan Sulaiman mengemukakan surat pelantikan secara fiat (kebenaran rasmi) kepada peguam Najib.

Hakim Mohd Nazlan Mohd Ghazali dalam penghakimannya, berkata ada beberapa perkara kurang

jelas dalam pelantikan Sulaiman, bagaimanapun menurut hakim itu, Pejabat Peguam Negara mengeluarkan satu kenyataan media berhubung pelantikan itu pada 31 Ogos tahun lalu.

Permohonan tiada merit

Katanya, kenyataan media yang tertera nama Peguam Negara, Tommy Thomas, secara jelas menyatakan pelantikan Sulaiman adalah untuk mengetuai pasukan pendakwaan, oleh itu mahkamah menganggap permohonan Najib tidak mempunyai merit.

Najib memohon untuk mendapatkan surat berkenaan bagi mengenali pasti sama ada pelantikan terbabit dibuat melalui cara yang betul mengikut peruntukan Kanun Acara Jenayah dan menegaskan bahawa ia adalah prosedur standard.

Pada 13 Disember pula, Mohd

Nazlan turut menolak permohonan Najib yang diwakili peguam Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah untuk mendapatkan perintah larangan supaya media dan orang awam tidak membicarakan mengenai merit kes terbabit.

Mohd Nazlan yang memutuskan bahawa permohonan itu tidak wajar, berkata undang-undang menghina mahkamah dan fitnah sedia ada sudah cukup mengendalikan risiko prejudis atau campur tangan dalam sistem keadilan jenayah.

Mohon tak buat komen

Perintah larangan itu dimohon Najib supaya masyarakat dan media tidak membuat komen atau ulasan yang menyentuh berhubung merit kes pecah amanah dan salah guna kuasa dihadapinya.

Najib turut merayu mendapatkan dokumen mengikut Seksyen 51A Kanun Acara Jenayah.

Berikutan rayuan interlokutori itu, pihak pembelaan melalui surat kepada Mahkamah Tinggi pada 17 Januari lalu, memohon supaya perbicaraan kes dijadualkan pada 12 Februari ini ditangguhkan sehingga rayuan mereka didengar dan diputuskan Mahkamah Rayuan.

Pihak pendakwaan mengemukakan surat bantahan kepada Mahkamah Tinggi dengan menyatakan ia bersifat remeh dan menyebabkan kelewatan tidak munasabah terhadap perbicaraan kes.

Jika rayuan interlokutori Najib ditolak Mahkamah Rayuan, beliau masih berpeluang mengemukakan rayuan ke Mahkamah Persekutuan.

Jika dibenarkan mahkamah, perbicaraan kes boleh ditangguhkan sehingga rayuan interlokutori terbabit didengar dan diputuskan sehingga peringkat rayuan paling akhir.